

13/03/2004

Telekom sedia kemudahan telekomunikasi di Litar F1

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) memeterai perjanjian dengan SIC International Circuit Sdn Bhd (SIC) bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan telekomunikasi di Litar F1 Sepang.

Naib Presiden Kanan Perniagaan Utama dan Kerajaan Telekom Malaysia, Adnan Rofiee, berkata perkhidmatan yang disediakan mampu meningkatkan kelancaran Grand Prix F1 Malaysia Petronas yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 Mac ini.

Perjanjian dengan SIC itu adalah bagi tempoh tiga tahun dengan opsyen tambahan dua tahun, yang mana Telekom Malaysia dilantik penyedia perkhidmatan telekomunikasi eksklusif bagi semua acara sukan permotoran di litar itu.

Adnan berkata, selain kemudahan talian tetap dan perkhidmatan ISDN, syarikat akan menyediakan perkhidmatan lain seperti internet jalur lebar, perkhidmatan penyiaran dan pusat perniagaan sepanjang tempoh sukan itu.

"Kami akan bekerjasama dengan SIC bagi menempatkan kemudahan prasarana telekomunikasi terkini merangkumi kelengkapan gentian optik dan pusat bantuan di Litar F1 Sepang.

"Telekom Malaysia juga sudah menempatkan lapan kakitangan teknikal bagi membantu SIC membuat persediaan komunikasi sejak 5 Mac lalu," katanya

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian penyedia perkhidmatan antara Telekom Malaysia dengan SIC di Menara Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu Telekom Malaysia diwakili Adnan, manakala SIC oleh Pengurus Besarnya, Ahmad Mustafa. Hadir sama Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Mahathir dan Ketua Pegawai Operasi TM Telco, Telekom Malaysia, Datuk Dr Idris Ibrahim.

Sementara itu, Mokhzani berkata, SIC akan bekerjasama dengan pelbagai syarikat sebagai rakan kongsi rasmi dalam usaha mempromosikan sukan permotoran di negara ini.

Selain Grand Prix F1 Malaysia Petronas, SIC giat mengadakan pelbagai acara lain termasuk Kejohanan Japan GT, Larian Merdeka, Grand Prix Motosikal Malaysia dan Formula Nippon.

"Litar F1 Sepang bukan untuk acara Grand Prix F1 Malaysia Petronas saja, malah banyak acara lain boleh diadakan.

"Setakat ini kami dapati ia mampu memberi nilai kepada Malaysia dalam usaha mempromosikan sukan permotoran di negara ini dan memberi kesan positif kepada kemasukan pelancong ke Malaysia," katanya.